

## Pantai Timur dilanda gelombang kedua

- Oleh MOHAMAD SHOFI MAT ISA, YATIMIN ABDULLAH, AIMUNI TUAN LAH dan KAMALIZA KAMARUDDIN
- 11 Disember 2024, 6:15 am



PEMILIK kedai runcit duduk di atas meja selepas kedainya di Kampung Baru Tok Kaya Kanan, Kemasik, Kemaman dilanda banjir gelombang kedua semalam. – UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

KUALA TERENGGANU: Terengganu, Kelantan dan Pahang dilanda gelombang kedua banjir ekoran hujan lebat berterusan sejak kelmarin yang menyaksikan sejumlah 5,223 mangsa daripada 1,263 keluarga dipindahkan di 36 pusat pemindahan sementara (PPS) di ketiga-tiga negeri.

Setakat pukul 4 petang semalam, Terengganu paling terjejas dengan merekodkan seramai 4,904 mangsa yang dipindahkan ke 27 PPS.

Jurucakap Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN) Terengganu memaklumkan, Kemaman merekodkan mangsa tertinggi iaitu 4,608 orang daripada 1,114 keluarga di 20 PPS di daerah itu.

“Di Dungun pula, sebanyak tujuh PPS dibuka untuk menempatkan 296 mangsa daripada 67 keluarga petang,” katanya semalam.

Jabatan Pengairan dan Saliran pula melaporkan Sungai Tebak di Kemaman melepassi paras bahaya manakala beberapa sungai utama lain telah melimpah berbanding paras amaran.

Sementara itu di Kelantan, gelombang kedua banjir menyaksikan 180 penduduk dari 42 keluarga di Gua Musang terjejas kini berlindung di tiga PPS iaitu Dewan Semai Bakti Felda Chiku 7, Dewan Orang Ramai Batu 6 dan Sekolah Kebangsaan (SK) Limau Kasturi.

Laman sesawang publicinfobanjir.water.gov.my melaporkan, Sungai Sokor di Tanah Merah sudah melepassi paras bahaya iaitu 25.22 meter.manakala Sungai Golok di Tanah Merah dan Rantau Panjang kembali ke tahap amaran.

Selain itu, Sungai Galas di Gua Musang, Sungai Lanas (Jeli) dan Sungai Kelantan (Tangga Krai) melepassi paras berjaga-jaga.

Dalam pada itu, Penghulu Tanpa Mukim Dewan Undangan Negeri (DUN) Paloh, Razali Mat Daud berkata, hujan berterusan sejak petang kelmarin menyebabkan air Sungai Chiku melimpah ke atas jalan dan rumah penduduk.

“Mangsa yang terlibat adalah keluarga yang tinggal di kawasan rendah sekitar Felda Chiku 7. Pada pukul 11 pagi semalam penduduk terjejas banjir mula berpindah ke PPS berikutan kediaman dan kawasan sekitar mula dinaiki air,” katanya.

Di Pahang, seramai 139 mangsa banjir membabitkan 40 keluarga ditempatkan di enam PPS di Maran berikutan gelombang kedua banjir semasa musim tengkujuh ini.

Enam PPS itu adalah Ulu Luit, Pusat Pemindahan Tetap Luit, Surau Bukit Kuin, PPS Kampung Baru Sungai Chedong, PPS Bangunan Bengkel Wanita Kampung Bak-Bak dan Balairaya Kampung Jara.

Jurucakap Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Maran berkata, kejadian hujan berterusan berkenaan menyebabkan kawasan rendah di sekitar daerah tersebut dinaiki air bermula pada pukul 8 malam kelmarin.

"PPS pertama dibuka pukul 10 malam iaitu PPS Ulu Luit yang menempatkan 27 mangsa daripada tujuh keluarga, diikuti Pusat Pemindahan Tetap Luit yang dibuka pukul 10.30 malam menempatkan 58 mangsa, 17 keluarga.

"PPS Surau Bukit Kuin dibuka pukul 11 malam menempatkan lima mangsa membabitkan sebuah keluarga dan PPS Kampung Baru Sungai Chedong pula menempatkan 40 mangsa daripada 12 keluarga," katanya.

Kata jurucakap itu, PPS Bangunan Bengkel Wanita Kampung Bak-Bak menempatkan empat mangsa membabitkan satu keluarga manakala Balairaya Kampung Jara pula lima mangsa daripada dua keluarga. – UTUSAN